

16 MAY 2002

PBEC-MALAYSIA/I

PUJIAN TERUS MENCURAH BAGI PENGANJURAN MESYUARAT PBEC OLEH MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Malaysia, masih lagi menerima sanjungan dan pujian kerana kejayaannya menganjurkan Mesyuarat Am Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) lebih seminggu lalu.

PBEC adalah sebuah persatuan pemimpin-pemimpin kanan perniagaan peringkat antarabangsa yang mewakili lebih 1,100 syarikat utama di 20 negara sekitar rantau Pasifik, yang menyumbang lebih AS\$4 trilion hasil jualan di seluruh dunia dan memberi peluang pekerjaan kepada lebih 10 juta orang. Ia juga merupakan suatu forum yang membolehkan pemimpin-pemimpin perniagaan menjalin hubungan perniagaan baru, bertukar-tukar pendapat dengan pegawai-pegawai kerajaan, dan menghasilkan cadangan-cadangan mengenai isu-isu penting perniagaan.

Robert G. Lees, bekas presiden PBEC dan penasihat eksekutif kanan (Asia Pasifik) bagi KPMG Consulting, berkata bahawa mesyuarat itu bukan sahaja merupakan persidangan yang amat berjaya bagi PBEC, tetapi juga adalah mesyuarat terbaik bagi PBEC.

Persidangan itu dianjurkan oleh PBEC Malaysia, yang diketuai oleh pengerusinya, Tan Sri Azman Hashim, dan ketua pengarahnya, Rohana Mahmood.

"Kualiti cemerlang dan hasil-hasil positif daripada persidangan yang diadakan dalam tempoh yang begitu sukar itu, telah memberikan suntikan semangat yang amat diperlukan oleh PBEC untuk bergerak maju. Ia adalah pengalaman yang amat istimewa, dari pembukaannya hinggalah kepada penutupnya," tegas Lees dalam satu kenyataan.

"Apa yang disaksikan sendiri oleh para perwakilan adalah satu persidangan yang dianjurkan dengan begitu baik oleh pemimpin-pemimpin perniagaan dan juga kerajaan Malaysia. Kami menyaksikan sebuah Malaysia yang amat yakin pada diri sendiri," katanya.

Seorang lagi anggota perwakilan, Sue Hooper dari Kanada berkata, "Ini adalah satu daripada mesyuarat yang terbaik dalam sejarah PBEC. Ucapan dan sesi soal jawab oleh Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad serta Menteri Perdagangan Antarabangsaa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, sungguh menyeronokkan, memberangsangkan dan berbaloi."

Dua peserta lain dari Kanada, Victor dan Leona Apps yang telah lama mengembara dan tinggal di Asia berkata, said, "Mesyuarat Am Antarabangsa di Kuala Lumpur ini adalah yang terbaik kami lihat setakat ini."

Kata-kata seorang wakil dari Chile menyuarakan perasaan para perwakilan pada akhir persidangan itu: "Kami datang dengan perasaan dipenuhi krisis, tetapi membawa pulang perasaan yang penuh dengan harapan." -- BERNAMA

MR SHY KY ZK